

26 SEP 2003

Mahathir-Islam/I

NEGARA-NEGARA ISLAM JADI KUAT JIKA BERSATU, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam akan kembali kuat jika mereka mengetepikan perbalahan dan bersatu.

"Negara-negara Islam mempunyai kekuatan masing-masing, bukannya ketenteraan, tetapi ketiadaan perpaduan menyebabkan mereka lumpuh," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas berucap pada Perhimpunan Agung ke-58 Bangsa-bangsa Bersatu pada Khamis.

Beliau berkata bahawa tidak dapat dinafikan bahawa umat Islam kini amat lemah kerana mereka berpecah disebabkan pegangan dan takrif tentang Islam selain kerana pendirian politik.

"Tambahan pula, mereka tidak sekata tentang segala-galanya," kata Dr Mahathir.

Katanya beliau yakin jika anggota-anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dapat bersatu walaupun mengenai satu saja isu, ianya boleh memberi kesan terhadap nasib yang kini dialami oleh umat Islam dan terhadap keadaan di Iraq.

Malaysia akan mengambil alih jawatan pengerusi OIC daripada Qatar pada sidang kemuncaknya di Putrajaya bulan depan.

Mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata negara itu tidak dapat ditukar kepada sebuah negara demokrasi dengan sekelip mata.

Katanya dengan mempunyai kumpulan etnik yang pelbagai di negara itu, demokrasi mungkin menimbulkan keadaan kacau bilau yang akan mengancam banyak nyawa.

"Dalam keadaan ini, ia mungkin perlukan pemerintahan secara kuku besi. Kita telah melihat bagaimana negara-negara yang secara tiba-tiba menerima demokrasi, akhirnya tidak mempunyai sebuah kerajaan yang baik untuk mentadbir negara itu.

"Yang penting bagi mereka ialah giliran siapa pula untuk menjadi kerajaan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau pernah dituduh sebagai pemerintah kuku besi tetapi hakikatnya ialah beliau dipilih oleh rakyat.

"Saya adalah satu-satu diktator yang akan bersara," katanya, disambut gelak ketawa sekumpulan wartawan antarabangsa.

Ketika ditanya kenapa dalam ucapannya, beliau memberi gambaran muram tentang keadaan di dunia ini, Dr Mahathir berkata dunia kini semakin suram kerana, dengan masalah Palestin dan isu keganasan tidak dapat diselesaikan, dan Iraq pula diserang, punca sebenar masalah itu masih tidak diatasi.

"Kita sentiasa meminta supaya puncanya dikaji daripada tindakan diambil untuk membanteras masalah itu -- malah kita tidak langsung dibenarkan bercakap tentang punca masalah itu -- saya tidak tahu bagaimana isu ini akan diatasi. Namun ada perkara-perkara tertentu yang perlu disentuh," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi sekarang disebabkan oleh rampasan tanah milik rakyat Palestin bagi mewujudkan negara Israel untuk menyelesaikan masalah Yahudi Eropah.

-- BERNAMA

SH AHH MAI